



# **BAB 1**

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Bab 1 merupakan bab permulaan kepada kajian ini. Ia mengandungi beberapa bahagian iaitu latar belakang masalah, pengertian tajuk dan perumusan masalah, tujuan penyelidikan, skop kajian dan metodologi penyelidikan, persoalan kajian, kajian lepas, batasan kajian dan masalah kajian.

#### **1.2 LATAR BELAKANG MASALAH**

Umat Islam mestilah berpegang kepada satu aliran kepercayaan yang kukuh di dalam membina hidup mereka sendiri. Aliran ini dijadikan sebagai panduan dan pedoman hidup agar mereka tidak tersasar ke jalan sesat yang berada di bawah telunjuk musuh Allah. Bertitik tolak dari sinilah manusia mencipta berbagai-bagai ideologi sama ada yang berbentuk diredaya mahu pun yang ditolak. Sejarah telah membuktikan bahawa ideologi yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. adalah merupakan ideologi terbaik berpandukan wahan Ilahi, justeru tiada sesiapa pun daripada umat ini yang mampu membentuk satu ideologi seperti itu. Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengaku bahawa apa yang dibawanya ini menjamin manusia untuk hidup bahagia di dunia dan di akhirat. Sepertimana sabda Baginda:

تَرْكُتُ فِي كُمْ أَمْرَينِ مَا لَنْ تَصِلُّ بَعْدَهُ إِنْ أَعْتَصَمْتُمْ بِهِ كَتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةَ رَسُولِهِ

Maksudnya: Sesungguhnya aku tinggalkan kepadamu dua perkara yang mana kamu tidak akan sesat selama-lamanya selagi berpegang dengan keduanya, iaitu Kitab Allah (*al Quran*) dan SunnahNya.

*Riwayat Muslim: 2137 al Haj*

Namun nasihat dan panduan Rasulullah s.a.w. ini semakin diabaikan oleh sebilangan umat Islam. Timbul pelbagai perkara yang menyediakan ekoran mereka mula mencipta ideologi sendiri yang sesat lagi menyesatkan. Laporan-laporan di dada akhbar membongkar kegiatan salah ini yang melibatkan remaja sehingga kepada yang dewasa. Ajaran Rasulullah s.a.w. telah ditokok tambah malah sesetengahnya pula membuang langsung dalam ajaran mereka. Inilah yang paling mendukacitakan kita semua umat Islam. Apa yang menghairankan ialah ramai yang terpengaruh dengan ideologi salah ini malah golongan-golongan yang berilmu turut memainkan peranan dalam mempengaruhi umat yang lemah supaya mengikuti sesuatu ajaran songsang tersebut. Mereka telah lupa sama sekali kepada pesanan Hadis di atas.

Di dalam kekusutan yang melanda umat Islam ini, agama Islam tetap dipelihara dan dijaga oleh sebilangan yang lain yang merupakan pewaris kepada anbia. Golongan ini dipanggil dengan golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Masalah inilah yang cuba dikaji oleh penulis. Di mana di dalam kajian ini penulis telah memilih tajuk – *Penilaian Tentang Keberkesanan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) Dalam Menangani Ajaran Salah*. Penulis memilih untuk membuat penyelidikan memandangkan penulis

merupakan anak jati negeri Terengganu Darul Iman. Penulis juga ingin mengetahui sejauh mana usaha-usaha yang dilakukan oleh JHEAT bagi membanteras ajaran salah di negeri itu berkesan atau pun sebaliknya.

Terdapat beberapa ajaran salah yang pernah diharamkan di Terengganu seperti ajaran Hassan Anak Rimau serta ajaran Ayah Pin. Namun begitu, setelah penulis membuat penyelidikan dan pemerhatian yang khusus, didapati ajaran-ajaran yang lain selain dari ajaran Ayah Pin tidak begitu menonjol dan aktif. Ekoran dari itu, maka penulis telah memilih satu sahaja daripada ajaran-ajaran tersebut yang telah banyak menimbulkan kontroversi dengan pihak berkuasa iaitu ajaran Ayah Pin.

Di sini penulis memaparkan serba ringkas mengenai Negeri Terengganu Darul Iman dan aliran Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah.

### **1.2.1 Negeri Terengganu Darul Iman**

Negeri Terengganu Darul Iman terletak di garisan bujur antara 102.25 - 103.5 dan garisan lintang 4.0 - 5.5 di Semenanjung Malaysia. Ia bersempadan di sebelah utara dan barat laut dengan negeri Kelantan, di sebelah selatan dan barat daya ialah negeri Pahang manakala di timurnya pula ialah Laut Cina Selatan.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Muhammad Salleh bin Awang (MISBAHA) (1978), Terengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918 M. cet. 1. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributors, hal. 1.

Keadaannya yang mengalami iklim Khatulistiwa pada sepanjang tahun membantu mempengaruhi hasil pencarian di negeri berkenaan. Keadaan tanah yang subur dan menghala ke laut memberi peluang kepada penduduk untuk menjadikan pertanian dan penangkapan ikan sebagai sumber pendapatan utama. Selain daripada itu, pekerjaan-pekerjaan seperti bertenun, pertukangan tembaga dan bertukang perahu turut membuka peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini.<sup>2</sup>

Keluasan negeri Terengganu ialah kira-kira 12955km persegi dengan penduduknya seramai 808556 orang. Pecahan penduduk mengikut bangsa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 1991 adalah seperti berikut :

- a) Bumiputera : 95.6 %
- b) Cina : 3.7 %
- c) India : 0.3 %
- d) Lain-lain : 0.4 %.<sup>3</sup>

#### **1.2.1.1 Sejarah Terengganu**

Perihal tentang penduduk Terengganu terdahulu sebelum tahun 1700 Masehi tidaklah diketahui dengan jelas. Hanya pada tahun 1225 seorang pengarang berbangsa Cina bernama Chao Ju Kua telah menyebut di dalam buku riwayat karangannya yang menceritakan dari hal perniagaan orang Cina, katanya: “*Negeri Palembang itu sebuah*

---

<sup>2</sup> *Ibid.*, hal. 2.

<sup>3</sup> Khoo Soo Gim (1991), *Laporan Penduduk Negara*. cet. 1. Jabatan Perangkaan Malaysia, hal. 1

*kerajaan besar kerana Langkasuka, Terengganu, Pahang dan Kelantan tertakluk kepada danya.”<sup>4</sup>*

Di dalam Syair Jawa Nagara Kartanagama yang dikarang pada tahun 1565M oleh seorang Jawa yang menjadi sami Buddha bernama Prapanca mengatakan bahawa pada tahun 1365M, Terengganu serta daerah Dungun tertakluk di bawah kerajaan Majapahit.<sup>5</sup>

Ada juga didapati dalam sejarah menyatakan bahawa selepas tahun 1587M barulah diketahui yang Terengganu turut sama mengambil bahagian di dalam perjuangan di antara Melayu dan Pertugis semasa Portugis menyerang Johor pada bulan Julai 1587 yang diketuai oleh Antonio De Noronha.<sup>6</sup>

### **1.2.1.2 Asal Usul Nama Terengganu**

Nama Negeri Terengganu semenjak yang diketahui adalah kekal disebut seperti sekarang. Menurut cerita yang dikatakan dapat didengar daripada al-marhum Baginda Sultan Umar, Sultan Terengganu ke 9 (1839 - 1876) kononnya pada zaman dahulu sebelum negeri ini dikenali dengan nama Terengganu, ada suatu rombongan dari Pahang mengembala

---

<sup>4</sup> Muhammad Salleh bin Awang (MISBAHA), *op.cit.*, hal. 4.

<sup>5</sup> R.O. Winsted (1925), *The Malay Geografic*. (Third and Revised Edition), Fraser Neare Limited Printers, hal. 135-136.

<sup>6</sup> Muhammad Salleh bin Awang (MISBAHA) (1978), *op.cit.*, hal. 35.

di sebelah Ulu Terengganu kerana memburu. Apabila angkatan itu sampai ke Sungai Terengganu mati, seorang daripada mereka terjumpa sebatang taring. Kata seorang daripada mereka, taring apakah itu? Jawab seorang lagi, taring anu (kerana tidak mengingati apa yang hendak disebut namanya). Selang beberapa hari kumpulan itu terjumpa pula dengan seekor rusa dan dapat dibunuhnya lalu dibawa balik hasil pemburuan itu ke tempat perkhemahan mereka. Masing-masing bertanyakan dari manakah mereka mendapat rusa tersebut. Mereka menjawab, jumpa di tempat taring anu. Lama kelamaan, lekatlah ianya dipanggil dengan nama Terengganu.<sup>7</sup>

Cerita orang-orang Kelantan yang pergi belseyar juga dikaitkan dengan nama Terengganu. Mereka dikatakan melihat kilat yang memancarkan cahaya dengan terang dan besar sampai ke kuala Sungai Terengganu. Oleh kerana hendak mengingatkan had sempadan betapa terangnya cahaya yang ganjil itu lalu dinamakan tempat itu dengan nama “Terang Ganu”. Selepas itu dipanggil nama “Terengganu” (yang membawa maksud: terang hingga nu, iaitu terang hingga ke sana).<sup>8</sup>

### **1.2.1.3 Kedatangan Islam Ke Terengganu**

Seperti negeri-negeri lain juga, Terengganu yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia termasuk antara negeri yang terawal menerima pengaruh Islam.

---

<sup>7</sup> *Ibid.*, hal. 38.

<sup>8</sup> *Ibid.*, hal. 39.

Malah seperti juga Kelantan, Terengganu sejak lama telah berhubung dengan Khemer dan Champa yang sejak abad ke sebelas sudah menerima Islam. Dalam kegiatan perdagangan Fo-lo-an atau Kuala Brang memainkan peranan penting sebagai pelabuhan antarabangsa yang membawa kedatangan pedagang Arab beragama Islam. Akibat berlakunya tragedi pembunuhan umat Islam di China, Canton sudah terbantut. Pendek kata pengaruh awal Islam ke Terengganu bukan hanya disebabkan faktor perdagangan semata-mata, malah disebabkan juga oleh faktor perkembangan yang berlaku di Champa dan China.<sup>9</sup>

Terengganu terbukti terlebih dahulu menerima Islam daripada Melaka selama sekurun iaitu kira-kira tahun 702H/303M. Seorang pemerintah bergelar Seri Paduka Tuan atau Raja Mandalika memerintahkan sekalian raja-raja daerah mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi, tetapi dari manakah datangnya pendakwah agama Islam itu tidak diketahui. Oleh kerana negeri Terengganu terletak di laluan pedagang, tidak syak lagi negeri ini telah menerima Islam yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab yang beragama Islam.<sup>10</sup> Kemudian diikuti pula oleh Melaka dengan pengislamahan Raja Melaka pada tahun 1414 oleh seorang ulama dari Jeddah bernama Sheikh Abd Aziz.<sup>11</sup>

Untuk membuktikan lagi kebenaran bahawa Negeri Terengganu paling awal menerima kedatangan Islam kita boleh merujuk kepada bukti sejarah yang jelas iaitu dengan

---

<sup>9</sup> Abdul Rahman Abdullah (2000), *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara*, Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., hal. 332.

<sup>10</sup> Muhammad Salleh bin Awang, *op.cit.*, hal. 27.

<sup>11</sup> John Bastin et.al (ed) (1972), *Sejarah Melayu or Malay Annals*. t.c., New York: Oxford University Press, hal. 30.

penemuan “Batu Bersurat”<sup>12</sup> tulisan jawi yang mengatakan beberapa larangan dalam agama Islam. Manakala Harisson pula menganggarkan tarikhnya bersamaan tahun 1326M atau 1386M.<sup>13</sup>

Bersandarkan kepada keterangan di atas bolchlah dikatakan bahawa agama Islam telah wujud di Terengganu dalam kurun ke VIII Hijrah atau abad ke 14 iaitu kira-kira 100 tahun terdahulu daripada kedatangan Islam ke Melaka. Oleh itu nyatalah bahawa orang-orang Terengganulah yang mula-mula memeluk Islam di Tanah Melayu.<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> Batu Bersurat Terengganu prasasti yang mempunyai kaitan dengan tarikh kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu. Tarikh yang terukir pada Batu Bersurat ini (702H) bulan Rejab Bersamaan bulan Februari tahun 1303M. Penemuannya di suatu tempat berhampiran Kampung Buluh di Sungai Tersat, Kuala Brang pada 728H/1387M. Peristiwa penemuan batu bersurat tersebut terdapat dalam buku *How Trengganu Stone Was Found, Malaysia in History*, Karya Engku Pangiran Anum. Batu Bersurat tersebut dihadiahkan oleh Syed Husin kepada Sultan Zainal Abidin III yang kemudiannya diletakkan di atas kota dekat Bukit Puteri menghalau ke muara Sungai Terengganu. Pada Tahun 1922, batu tersebut mendapat perhatian H.S. Peterson, seorang pegawai pentadbir Inggeris yang ditugaskan di Terengganu. Peterson mengambil gambar batu tersebut lalu mengirimkannya ke Raffles Museum di Singapura dan Dr. C.O. Blagden, seorang pakar dalam bidang pengajian Melayu yang tinggal di London. Batu tersebut hampir berbentuk empat segi, setinggi lebih kurang 84cm, lebar bahagian atasnya 53cm dan paling bawah ialah 27cm. Batu yang dibuat dari jenis granit ini seberat lebih kurang 215kg. Bahasa yang digunakan ialah Bahasa Melayu dan Sanskrit serta ditulis dalam tulisan jawi. tarikh yang tertera dibatui ini satu-satunya tarikh yang diterima pakai berkaitan kedatangan Islam ke Malaysia. Lihat Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Malaysia (1999), jilid 1, cet. 1, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal.. 434. Lihat juga Al-Attas Syed Muhammad Naquib (1969), *Preliminary Statement On A General Theory Of the Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*, cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 12.

<sup>13</sup> Brian Harrison (1967), *South East Asia: Short History*. cet. 3, London: Mac Millan, hal. 54.

<sup>14</sup> Buyong Adil (1974), *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 91.

## **1.2.2 Akidah Anutan Umat Islam Terengganu**

### **Pendahuluan**

Penduduk negeri yang terdiri daripada pelbagai bangsa telah menyebabkan wujud berbagai-bagai aliran pegangan agama di sini. Walaupun secara rasmi Islam adalah agama anutan bagi kira-kira 95.6% penduduk di negeri ini, namun golongan minoriti seperti Cina dan India masih bebas mengamalkan anutan dan kepercayaan masing-masing. Apa yang penulis ingin tekankan di dalam penulisan ini ialah berkaitan dengan pegangan sejagat yang diredayai oleh Allah s.w.t. dan juga pegangan yang dikira menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar.

Sebelum penulis menghuraikan secara terperinci tentang aliran akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah yang menjadi aliran pegangan penduduk di Negeri Terengganu ini, penulis terlebih dahulu akan menghuraikan beberapa frasa kata yang berkaitan dengan kajian agar tidak timbul keraguan di kalangan pembaca berkaitan dengan penulisan ini. Penulis akan menghuraikan frasa “aliran kepercayaan” berdasarkan kepada beberapa panduan yang telah dikaji.

Aliran kepercayaan dibina daripada dua perkataan utama iaitu *alir* dan *percaya*. Kata kerja *alir* dan penambahan ...an, membawa maksud haluan pemikiran atau *mazhab*.<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup> Noresah Baharom (1997), Kamus Dewan. Edisi Ketiga, cet. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 30.

Manakala percaya bererti akuan akan benarnya sesuatu. Penambahan ke...an kepada kepercayaan menunjukkan kepada kata benda abstrak.<sup>16</sup> Menurut istilah bahasa arab, kepercayaan sama diertikan dengan akidah berasal dari kata dasar (عَقْدٌ) yang bermaksud simpulan atau ikatan yang kukuh yang akan menerbitkan ideologi.

Aliran kepercayaan boleh disimpulkan sebagai satu haluan pemikiran berasaskan kepercayaan dan keyakinan terhadap sesuatu perkara sehingga melahirkan pelbagai konsep dan amalan.<sup>17</sup>

Aliran yang dimaksudkan di dalam disertasi ini ialah aliran-aliran kepercayaan di Negeri Terengganu merangkumi aliran kepercayaan yang diakui kebenarannya oleh pihak berkuasa seperti aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah dan juga aliran-aliran kepercayaan yang dikategorikan sebagai menyeleweng dari landasan Islam.

#### **1.2.2.1 Pengertian Ahli Sunnah wal-Jamaah**

Aliran Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah satu-satunya aliran yang diterima pakai di Malaysia. Ini adalah seiring dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tidak lama dulu. Keputusan tersebut dibuat sebagai satu usaha untuk

---

<sup>16</sup> *Ibid*, hal. 1014.

<sup>17</sup> Siti Ramlah binti Ibrahim (1999), *Aliran-aliran Kepercayaan di Malaysia: Kajian Khusus Terhadap Ajaran Qadiani*. (Disertasi, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam University Malaya), hal. 20.

membendung perkembangan aliran-aliran yang bertentangan dengan tuntutan al-Quran dan as-Sunnah sejak kebelakangan ini.

Sehubungan dengan itu penulis akan menerangkan serba ringkas berkenaan dengan pengertian Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi bahasa dan istilah serta manhajnya.

### **Definisi Ahli Sunnah Wal-Jamaah Berdasarkan Bahasa Dan Istilah**

Sebagai muqaddimah perbincangan bagi mendefinisikan Ahli Sunnah wal-Jamaah ini, penulis akan menghuraikan maksud dan perkataan yang menjadi rangkaian suku kata utama kepada iaitu *Ahlu / Ahli / Sunnah / Jamaah* menurut tatabahasa.

- i) Rangkaian suku kata *Ahlu/Ahli* di atas didefinisikan sebagai merujuk kepada kaum - orangnya (terutama dalam rangkaian kata arab), bait - isi rumah, kitab - kaum yang berkitab suci (orang Yahudi dan Nasrani), kubur - orang yang telah meninggal dunia dan Sunnah (Jamaah) - kaum muslim yang menurut ajaran hadis nabi.<sup>18</sup>

Rangkaian suku kata di atas boleh didefinisikan juga sebagai anggota pertubuhan, persatuan, golongan dan lain-lain. Contoh; parti politik - persatuan sejarah. Orang yang mahir serta mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang.

---

<sup>18</sup> Dr. Teuku Iskandar (1970). *Kamus Dewan*. cet. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 9.

Contoh; ahli bahasa, muzik dan sebagainya. Sangat mahir - pakar. Contoh; falak - orang yang pakar tentang cakerawala (banyak mengetahui tentang kedudukan, pergerakan bulan, bintang dan sebagainya).<sup>19</sup>

Selain daripada merujuk kepada kamus bagi mendefinisikan perkataan Ahli, penulis juga turut membuat semakan beberapa potong ayat al-Quran yang mengandungi ayat-ayat yang menerangkan tentang maksud *Ahli* melalui penulisan-penulisan yang lain.

- a) Ahli membawa maksud “Pakar”, yang berilmu atau yang pandai, sebagaimana firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا بِالْأَيْجَالِ تُوحِي إِلَيْهِمْ فَإِنَّمَا أَهْلُ الْكِتَابَ كُفَّارٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya:

“Maka tanyalah olehmu kepada orang-orang yang berilmu jika kamu tidak mengetahui.”

Surah al-Anbiya’, 21:7

- b) Ahli yang bermaksud *Pengikut* atau anggota satu-satu aliran (fahaman) atau kumpulan. Contohnya sebagaimana yang terdapat di dalam firman Allah s.w.t.:

---

<sup>19</sup> Hajjah Noresah Baharom (2002), *Kamus Dewan*. Edisi 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 14.

يَتَأْهِلَ الْكِتَابِ لِمَ تَكُفُّرُونَ بِعَايَاتِ اللَّهِ وَأَنْتُمْ تَشَهَّدُونَ

Maksudnya:

*“Hai Ahli Kitab! Mengapa kamu mengingkari ayat-ayat Allah pada hal kamu mengetahui kebenarannya?”*

*Surah Ali Imran, 3:70*

وَأَمْرُ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَأَضْطَبَرَ عَلَيْهَا

*“Dan perintahkanlah kepada keluargamu mendirikan solat dan bersabarlah kamu dalam mengerjakannya”.*

*Surah Taha, 20: 132*

c) Dalam ayat di atas, ahli bermaksud anggota keluarga. Antara contoh-contoh yang lain ialah ahli parlimen, ahli pertubuhan, ahli mazhab, ahli sukan dan sebagainya.<sup>20</sup>

ii) Definisi Sunnah

---

<sup>20</sup> Rasul bin Dahri (2001), *Koleksi Kuliah-kuliah Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah Menurut Manhaj Salaf as-Soleh*, cet. 1, jil. 2, Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa, hal. 40.

Menurut pengkaji bahasa, perkataan Sunnah itu membawa maksud; jalan hidup, peraturan atau kebiasaan hidup Rasulullah s.a.w., hukum Allah yang disampaikan kepada manusia melalui rasulNya Nabi Muhammad s.a.w. menerusi wahyu, atau perkara biasa yang ditentukan oleh Allah s.w.t. terhadap makhlukNya.<sup>21</sup>

Sunnah juga turut dertiakan kepada peraturan atau adat yang berdasarkan kepada perbuatan dan perkataan Nabi Muhammad s.a.w.<sup>22</sup>

Sunnah ditakrifkan juga sebagai Tariqah<sup>23</sup> “Jalan atau Sirah” sebagaimana yang dikatakan

السُّنَّةُ هِيَ الْطِرِيقُ الْمُمْعَذَّدُ كَانَتْ أَمَّا مَذْمُونَةٌ

“As-Sunnah adalah jalan, sama ada yang terpuji atau yang keji”.

### iii) Definisi Al-Jamaah

Al-Jamaah diambil dari kalimah (**الجمع**) yang boleh dertiakan kepada beberapa maksud:

- 1) Al-Jamaah yang bermaksud:

---

<sup>21</sup> Hassan Hamzah (1997), *Kamus Ensiklopedia*. cet. 1, jilid. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 290.

<sup>22</sup> Hajjah Noresah Baharom, *op. cit.*, hal. 1320.

<sup>23</sup> Rasul Dahri, *op.cit.*, hal. 42.

- a) Mengumpul atau menyatu-padukan yang berpecah-belah (bercerai-berai).
  - b) Bersatu dan lawannya berpecah-belah.
  - c) Al-Jamaah juga (diistilahkan untuk) menunjukkan perkumpulan manusia yang bersatu untuk tujuan yang sama.
- 2) Al-Jamaah: “Golongan yang terbesar atau paling ramai (السود الاعظم) dari kalangan umat Islam.
- 3) Al-Jamaah: “Setiap mukmin yang mengikut kebenaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. walaupun seorang diri.<sup>24</sup>

Setelah pendefinisan dari sudut bahasa dikemukakan, penulis akan mengenengahkan pula pengertian bagi tajuk di atas menurut istilah yang dibuat oleh para ulama mengikut bidang ilmu dan jurusan masing-masing. Di antara bidang-bidang ilmu di dalam Islam yang memberikan definisi kepada Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah seperti berikut:

- i) As-Sunnah didefinisikan oleh ulama Hadis sebagai apa yang datang daripada Rasulullah sama ada dari sudut perkataan, perbuatan, takrir atau akhlak Rasulullah s.a.w. dan sifat kejadiannya, sama ada yang berlaku sebelum perlantikan Baginda sebagai Nabi atau selepasnya sama ada perkara tersebut berhubung kait dengan hukum ataupun tidak. Pengkajian ulama Hadis lebih meluas merangkumi segala

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, hal. 44 - 46.

perkara yang berkaitan dengan Rasulullah s.a.w. tanpa menghadkan kepada penentuan hukum sahaja kerana mereka melihat Rasulullah s.a.w. sebagai contoh teladan yang terbaik serta pemimpin umat Islam.

- ii) Menurut ulama Fiqh pula as-Sunnah ialah sesuatu yang diterima daripada Rasulullah dan tidak menunjukkan fardu atau wajib. Mereka lebih mengkhususkan as-Sunnah kepada perkara-perkara sunat iaitu melakukannya mendapat pahala manakala meninggalkannya tidak berdosa.<sup>25</sup>
- iii) Manakala ulama Usul Fiqh pula mendefinisikan as-Sunnah sebagai perkara-perkara yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. selain dari al-Quran yang merangkumi perkataan, perbuatan dan takrir yang berkaitan dengan hukum. Perbahasan dan perbincangan ahli usul tentang as-Sunnah hanya dari sudut penentuan dalil-dalil syarak sahaja. Oleh kerana itu tumpuan mereka kepada perkara yang berlaku hanya selepas perlantikan Nabi menjadi Rasul.<sup>26</sup>
- iv) Takrifan yang dibuat oleh ulama Akidah pula ialah sebagai hidayah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan diikuti oleh para sahabat. Sama ada ilmu atau perkara i'tikad, perbuatan atau perkataan sebagai satu sunnah yang wajib diikuti oleh orang yang mengamalkannya akan dipuji manakala yang menyalahinya akan dikeji. Ahli

---

<sup>25</sup> Siti Ramlah Ibrahim *op.cit.*, hal. 23.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hal. 24.

akidah juga membuka ruang yang lebih luas dalam membahaskan tentang as-Sunnah apabila Sunnah dilihat sebagai semua perkara yang dibawa oleh Rasulullah merangkumi perkara hukum ataupun sebaliknya. Pengamalan terhadap as-Sunnah merupakan satu kewajipan serta terpuji dan keingkaran terhadapnya akan dikeji.<sup>27</sup>

Berdasarkan kepada beberapa pentakrifan dari sudut istilah menurut golongan ulama, dapat dirumuskan bahawa as-Sunnah itu bersumberkan daripada Rasulullah s.a.w. merangkumi segala aspek kehidupan yang perlu diterap dalam tatacara kehidupan masyarakat kini.

Dalam mendefinisikan Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi istilah dan bahasa, penulis juga turut membuat kajian pengertiannya mengikut pendapat yang telah diberikan oleh para ulama. Antaranya:

- i) Menurut Ibnu Hazm,<sup>28</sup> Ahl as-Sunnah ialah mereka yang dikategorikan sebagai

---

<sup>27</sup> Muhammad ibn Ibrahim al-Hamd (1996), *Aqidat Ahl-Sunnat wa-al-Jamaah*. t.c., t.t.p.: Dar-Al-Watan, hal. 21.

<sup>28</sup> Beliau ialah Abu Muhammad Ali ibn Ahmad Sa'id ibn Hazm al-Zohiri, merupakan salah seorang tokoh hadis yang terkenal. Dilahirkan di Qurtubah pada tahun 384H/994M dan meninggal dunia pada tahun 456H/1064M. Lihat Al Dhabî, Abî 'Abd Allâh Muhammâd ibn Ahmad ibn 'Uthmân (1941), *Siyâr al-Nubâlai' i*. t.c., Beirut: Matba'at al-Bayân, hal. 21 - 51.

Ahl al-Haq dan selain dari mereka ialah Ahl al-Bid'ah.<sup>29</sup> Mereka ialah para sahabat dan orang-orang yang mengikut manhaj sahabat yang terdiri daripada para Tabien, Ashabul Hadis dan pengikut-pengikut dari kalangan para ulama fiqh, satu-satunya generasi yang wujud sehingga ke hari ini.<sup>30</sup>

- ii) Ibn al-Jawzi<sup>31</sup> pula menyebut, as-Sunnah dari segi bahasa adalah jalan, manakala Ahl as-Sunnah ialah Ahl al-Naql dan al-Athar yang mengikut hadis-hadis Rasulullah s.a.w. dan Athar sahabat-sahabatnya kerana mereka berada pada jalan yang suci dari bid'ah. Perkara-perkara baru dan bid'ah ini hanya berlaku selepas Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya.<sup>32</sup>

---

<sup>29</sup> Mencipta (mengada-adakan atau mereka-reka) sesuatu (amal) yang sama sekali tidak adacontohnya pada zaman Nabi s.a.w. atau tiada dalilnya dari Syarak. Juga dikatakan sebagai setiap yang bertentangan dengan sunnah dari jenis perkataan, perbuatan atau akidah sekalipun melalui ijtihad atau suatu jalan (ciptaan/rekaan) yang disandarkan oleh pembuatnya kepada agama sehingga menyerupai syariah. Ianya dilakukan dengan maksud untuk menjadikannya tata-agama sehingga mencapai jalan yang menyerupai jalan syariah atau sebagaimana dikatakan: (Amalan) yang bermaksud untuk mendekatkan diri kepada Allah yang tidak ditegakkan kesahihannya melalui dalil Syarei yang sahih yang bersumberkan dari sumber yang sebenar dan tepat. Lihat Rasul bin Dahri (2002), *Bid'ah Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah*, cet. 2, Johor Darul Takzim: Perniagaan Jababera, hal. 31 - 34. Lihat juga Dr. Johari Mat (1996), *Asas-asas Akidah Ahl Sunnah wal Jamaah dan Khalaf, Prosiding Seminar: Aqidah Ahl Sunnah wal Jamaah, Siapa dan Kenapa Menurut Ahli Hadis, Imam-Imam Al-Arba'ah dan Al-Salaf al-Soleh*, 25 Dis. 1996, Dewan Kuliah 1, Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTM, K.L., hal. 7.

<sup>30</sup> Ibn Hazm (1975), *Al-Fasl Fi al-Milal Wa al-Nihal*. t.c., Beirut: Dar al Ma'rifat, hal. 113.

<sup>31</sup> Beliau ialah Abd Rahman ibn 'Ali ibn Muhammad ibn 'Ali ibn Abd Allah ibn Hummada ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Ja'far al-Jawzi. Juga terkenal dengan gelaran Jamal-al-Din (Jamaluddin). Dilahirkan di Baghdad pada tahun 510H. Ada pendapat mengatakan setahun atau dua tahun sebelum tarikh tersebut. Beliau meninggal dunia pada tahun 597H. Lihat Abd al-'Aziz Matar (1996), *Lahn al-Ammah Fi Dawi al-Dirasat al-Lughawiyat al-Hadithat*. t.c., Kaherah: Dar al-Qawmiyat, hal. 170.

<sup>32</sup> Ibn al-Jawzi, (t.t.), *Talbis Iblis*. t.c., Beirut: Dar-al- 'Ulum, hal. 16.

- iii) Ahli Sunnah wal-Jamaah ialah sesiapa sahaja yang berpegang teguh (*ittiba'*) kepada manhaj para sahabat, tabien dan tabiut at-tabien yang diistilahkan sebagai "Manhaj Salaf as-Soleh". Oleh itu, sesiapa yang tidak berpegang kepada manhaj Salaf as-Soleh adalah golongan yang berpecah (keluar) dari Ahli Sunnah wal-Jamaah sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w:

لَتَفْرِقُنَّ أُمَّةٌ عَلَىٰ تَلَاثَ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً وَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَثَنَاءٌ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ .  
فَلَمْ : مَنْ هُمْ؟ قَالَ أَجْمَاعَةٌ

*"Pasti akan berpecah-belah umatku kepada 73 firqah, hanya satu ke syurga dan 72 ke neraka. Baginda ditanya; siapakah mereka (yang ke syurga) wahai Rasulullah? Baginda bersabda: Al-Jamaah.<sup>33</sup>*

Berdasarkan definisi ini, dapatlah dirumuskan bahawa Ahli Sunnah wal-Jamaah terdiri daripada:

- i) Generasi pertama iaitu para sahabat yang telah menerima ajaran Islam secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. berpandukan al-Quran dan Hadis.
- ii) Para tabien dan atba' tabien yang mengikut langkah para sahabat merangkumi segala tindak tanduk di setiap masa dan tempat.

---

<sup>33</sup> Rasul bin Dahri (2001), *Koleksi Kuliah-Kuliah Ahli Sunnah wal-Jamaah*, hal. 51.

- iii) Orang-orang awam yang memahami serta mengamalkan ajaran al-Quran dan as-Sunnah sebagaimana amalan para Salaf as-Soleh, dan tidak melakukan perkara-perkara bid‘ah di dalam agama.

Ahli Sunnah wal-Jamaah juga mempunyai beberapa nama lain yang turut digunakan sepanjang sejarah umat Islam antaranya ialah Ahl al-Jamaah, Ahl al-Hadis, Ahl al-Athar, al-Firqah al-Najiah dan lain-lain lagi.

#### **1.2.2.2 Manhaj Ahli Sunnah Wal-Jamaah**

Ahli Sunnah wal-Jamaah mempunyai manhaj yang mantap dari sudut akidah dan hukum yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah. Berikut ini penulis sertakan secara ringkas manhaj Ahli Sunnah wal-Jamaah.

- i) Mereka membataskan penerimaan ilmu hanya kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. serta menolak selainnya. Ini bermaksud Ahli Sunnah wal-Jamaah lebih mengutamakan kalamullah dari kalam manusia dan sentiasa mendahului petunjuk dari Nabi Muhammad s.a.w.<sup>34</sup>
- ii) Mereka berpendapat bahawa ijma‘ Salaf as-Soleh merupakan hujjah Syar‘iyah

---

<sup>34</sup> Muhammad Abd al-Hadi al-Misri (1992), *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama‘ah: Ma‘alim al-Intilaqat al-Kubra*, cet. 4, Kaherah: Dar al-Lam al-Duwal, hal. 65 - 67.

yang sepatutnya diikuti oleh generasi selepas mereka. Ahli Sunnah berpendapat bahawa generasi yang paling mengetahui kebenaran syariat Allah selepas Rasulullah ialah para sahabat dan Salaf as-Soleh. Ini adalah kerana para sahabat contohnya, hidup sezaman dengan Rasulullah dan melihat serta menyaksikan peristiwa penurunan wahyu serta penyelesaian sesuatu masalah.<sup>35</sup>

- iii) Membentangkan persoalan akidah dengan uslub (gaya/metode) bahasa yang mudah sehingga hampir tidak ada apa yang tersembunyi. Manhaj ini amat kurang menggunakan pentakrifan dalam persoalan akidah, tetapi diberi ruang seluas-luasnya dari segi fikhiyah atau muamalah.<sup>36</sup>
- iv) Mereka tidak menetapkan sesuatu kenyataan dan tidak pula menerima hasil ijтиhad kecuali setelah mengupasnya berdasarkan al-Quran, Sunnah serta ijtimā'. Ini menjelaskan bahawa Ahli Sunnah wal-Jamaah sentiasa berpegang kepada al-Quran, as-Sunnah serta panduan generasi sahabat.<sup>37</sup>
- v) Mereka mendahulukan nas Syarak dari akal fikiran. Ini bermaksud pegangan ahli Sunnah selaras dengan nas-nas Syarak dan mereka yakin setiap perkara yang bertentangan dengan Syarak adalah batil. Berbanding dengan akal fikiran manusia yang sering terdedah kepada kesalahan dan kesilapan.<sup>38</sup>
- vi) Memuliakan dan mematuhi setiap nas-nas yang warid (yang terdapat dan diambil) dari al-Quran atau as-Sunnah dan tidak terkeluar dari makna al-Quran yang difahami

---

<sup>35</sup> Siti Ramlah Ibrahim, *op.cit.*, hal. 29.

<sup>36</sup> *Ibid.*, hal. 29.

<sup>37</sup> Rasul Dahri, *op.cit.*, hal. 66

<sup>38</sup> Siti Ramlah Ibrahim, *loc.cit.*

oleh bangsa Arab (Bahasa Arab asli/tulen) serta tidak akan lari dari makna al-Quran menurut Bahasa Arab kerana hanya Bangsa Arab yang benar-benar memahami bahasa mereka dan dalil-dalil yang qat' ei ( قطعی ) dari al-Quran, Hadis dan Athar sahabat yang semuanya berbahasa Arab tulin.<sup>39</sup>

Kesimpulannya; manhaj yang dipegang oleh Ahli Sunnah wal-Jamaah berpandukan terus kepada al-Quran dan Sunnah serta ijma' para sahabat Baginda disamping memberi akal peranan yang sesuai dengan kemampuan manusia.

#### **1.2.2.3 Sejarah Kemunculan Istilah Ahli Sunnah Wal-Jamaah**

Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagaimana yang dikupas sebelum ini terdiri daripada generasi pertama iaitu para sahabat dan seterusnya diikuti mereka yang terkemudian. Ini bermakna Ahli Sunnah wal-Jamaah telah wujud sejak seawal para sahabat lagi.

Namun dalam membincangkan tentang sejarah kemunculan Ahli Sunnah wal-Jamaah ini, kita akan menemui beberapa pandangan ulama dan pengkaji sejarah Islam. Ada yang berpendapat Ahl al-Sunnah muncul pada masa pemerintahan Khalifah al-Mansor

---

<sup>39</sup> Rasul Dahri, *Loc.cit.*

dan al-Rashid iaitu pada zaman Abbasiah<sup>40</sup> dan antara yang tersebar luas di kalangan masyarakat kini. Ahli Sunnah ini dibawa oleh Abu Hassan al-Asy'ari.<sup>41</sup>

Sebaliknya jika kita melihat kepada Hadis-hadis dan sejarah umat Islam, kita akan dapati bahawa penggunaan istilah Ahli Sunnah wal-Jamaah ini telah ada sejak awal lagi dan telah tersebar luas. Antaranya sebuah Hadis yang berbunyi:

فَقَدْ اخْرَجَ الْلَّالِكَائِيُّ بِسْنَدِهِ عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ<sup>42</sup> رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا فِي قَوْلِهِ تَعَالَى  
﴿يَوْمَ تَبَيَّضُ الْأَجْوَهَرُ وَتَسْوَدُ الْمُجَوَّهَرُ﴾ الْعُمَرَانُ : ٦ . الْ  
فَمَا الَّذِينَ ابْيَضُوا وُجُوهَهُمْ : هُمْ أَهْلُ السَّنَةِ وَالْجَمَاعَةِ وَمَا الَّذِينَ اسْوَدُوا  
وُجُوهَهُمْ : فَأَهْلُ الْبَدْعَ وَالضَّلَالَةِ<sup>43</sup>

Maksudnya:

“Daripada al-Lalakaie, dari sanad ibn-Abbas r.a. Berdasarkan firman Allah : Pada hari putih dan dihitamkan wajah-wajah (ali-‘Imran: 106). Mereka yang diputihkan wajah-wajah ialah ahli Ahli-Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Manakala mereka yang dihitamkan wajah ialah ahli Bid’ah dan kesesatan”.

Manakala hadis yang seterusnya berbunyi:

<sup>40</sup> Ameer ‘Ali (1968), *Rūh al-Islām*. jil.2, t.c., Beirut: Dar-al-‘Ilm Li al-Maliyin, hal. 149.

<sup>41</sup> Beliau adalah ‘Alī bin Ismā’il bin Ishaq bin Ismā’il bin ‘Abd Allah bin Musa bin Bilal bin Abī Burdah bin Abī Musa Al-‘Ash’ari. Lahir pada tahun 260H/873M di Basrah (Iraq) dan wafat pada tahun 324H/935M di Kota Baghdad. Lihat, Umar Hasyim (2002), *Siapa Ahli Sunnah wal-Jamaah: Timbulnya Fahaman Sesat dan Menyeleweng di Kalangan Kaum Muslimin*. cet. 2, Selangor: Galeri Watikah, hal. 92.

<sup>42</sup> Beliau ialah ‘Abd Allah ibn ‘Abbas ibn ‘Abd al-Mutalib ibn Hasyim ibn ‘Abd Manaf ibn Qusay Abu al-‘Abbas al-Hasyimi al-Quraisy. Anak kepada bapa saudara Nabi s.a.w. Dengan lain perkataan beliau ialah sepupu Rasulullah s.a.w. Lahir tiga tahun sebelum hijrah bersamaan 619M di Mekah dan meninggal dunia di Taif pada tahun 68H/687M ketika berusia 71 tahun. Lihat ibn-‘Abbas (1993), *Kitab Gharīb al-Qurān*. Tahqiq: Ahmad Bulut, cet. 1, Kaherah: Maktabat al-Zahra’, hal. 7 dan 10.

<sup>43</sup> Abī al-Qasīm Habbatullāh ibn al-Hassan ibn Mansur Al-Lalakaie (1990), *Syarh Usul I’tikad Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama’ah*. jil. 1, cet. 2, t.t.p.: t.p., hal. 72.

سفیان الثوری<sup>44</sup>

قال: استوصوا بأهل السنة خير فاءنهم غرباء<sup>45</sup>

Maksudnya:

*“Daripada Sufyan al-Thauri: Berwasiatlah dengan Ahli Sunnah perkara-perkara yang baik, maka sesungguhnya mereka adalah pedagang”.*

Berdasarkan petikan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa istilah Ahli Sunnah wal-Jamaah tidak digunakan dengan meluas semenjak zaman sahabat lagi terutamanya bukti dari tafsiran ibn ‘Abbas, sahabat Rasulullah yang hidup sezaman dengan Baginda.

Namun begitu penggunaan tafsiran istilah ini secara rasmi hanya bermula setelah berlakunya fitnah di kalangan umat Islam semasa pemerintahan ‘Uthman ibn ‘Affan. Ianya seiring dengan kemunculan golongan-golongan serpihan seperti Khawarij, Syiah, Muktazilah dan sebagainya. Antara tokoh yang paling gigih mempertahankan al-Sunnah ini pada waktu itu ialah Imam Ahmad bin Hambal<sup>46</sup> sehingga beliau digelar sebagai Imam Ahli Sunnah.

<sup>44</sup> Nama beliau ialah Sufyan ibn Sa‘id ibn Masriq ibn ‘Adi al-Thauri. Beliau merupakan seorang ilmuan yang terkenal pada zamannya. Tekun serta kuat hafalan. Dilahirkan di Kufah pada tahun 95H dan meninggal dunia di Basrah pada bulan Sya’ban 161H ketika berusia 66 tahun. Lihat, Tanpa Pengarang (1976), *al-Munjid fi al-‘Alam*, cet. 10, Beirut: Dar al-Masriq, hal. 357. Lihat juga al-Asbahani, Abū Bakr Ahmad ibn ‘Ali ibn Manjuwaih (1987), *Rijal Sahih Muslim*, jil. 1, cet. 1, Tahqiq: ‘Abd Allah al-Laithi, Beirut: Dar al-Ma’rifat, hal. 282-283.

<sup>45</sup> Al-Lalakaie, *op.cit.*, hal. 63.

<sup>46</sup> Nama beliau ialah Ahmad ibn Muhammad ibn Hilāl ibn Asad ibn Idris ibn ‘Abd Allah ibn Hassan. Beliau dilahirkan pada bulan Rabiul Awal tahun 164H dan meninggal dunia pada bulan Rabiul Akhir 241H. Lihat Ahmad ibn Hambal (1984), *Kitab al-Zuhd*. t.c., t.k., Tahqiq Muhammad Jalal Syarif, Beirut: Dar al-Fikr al-Jami’, hal. 9-10.

Usaha-usaha Imam Ahmad tersebut diteruskan oleh generasi seterusnya bagi memastikan kesinambungan manhaj Ahli Sunnah wal-Jamaah juga membezakan golongan ini dengan golongan-golongan yang telah menyelewengkan manhaj yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

### **1.3 PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH**

Penilaian Tentang Keberkesanan JHEAT Dalam Menangani Ajaran Salah.

Keberkesanan : Asal perkataan kesan;

1. Ditakrifkan sebagai tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas
2. Sesuatu (sama ada kebaikan atau keburukan) yang timbul dari sesuatu kejadian. Keberkesanan ialah perihal berkesan, berkesannya (sesuatu tindakan) atau ditakrifkan juga dengan perubahan dan sebagainya ~ sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya.<sup>47</sup>

Menangani : Diertikan sebagai mengerjakan sendiri, membuat sendiri, mengusahakan. Contoh; pekerjaan yang berat pun ditanganinya.<sup>48</sup>

---

<sup>47</sup> Hajah Noresah bt. Baharom (2002), *Kamus Dewan*. cet. 5, Edisi 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 663.

<sup>48</sup> *Ibid.*, hal. 1368.

Ajaran Salah : Sebarang amalan atau ajaran yang dibawa oleh orang-orang Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan yang dibawa itu berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah, Syariah Islamiah dan al-Quran, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan Ahli Sunnah wal-Jamaah.<sup>49</sup>

Ringkasnya, pengertian tajuk disertasi ini ialah menilai tindakan yang diambil oleh JHEAT dalam usaha untuk mencegah ajaran salah daripada terus merebak ke dalam masyarakat Islam di Negeri Terengganu. Pengkhususan penulisan penulis ialah JHEAT manakala ajaran salah pula dijadikan sebagai model kajian bagi menentukan keberkesanannya tindakan yang diambil. Antara permasalahan yang akan dibincangkan dalam disertasi ini ialah:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan aliran kepercayaan Ahli Sunnah wal-Jamaah menurut pengertian bahasa, istilah serta pandangan para ulama-ulama tertentu.
2. Apakah manhaj Ahli Sunnah wal-Jamaah.
3. Sejarah kemunculan istilah Ahli Sunnah wal-Jamaah.
4. Ruang lingkup ajaran salah. Apakah pengertian ajaran salah. Faktor-faktor timbulnya ajaran salah, ciri-ciri, sejarah kemunculan, bentuk dan juga contoh-contoh ajaran salah.

---

<sup>49</sup> Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (1996), *Risalah Mengenal Ajaran Sesat*. hal. 3.

5. Perbincangan khusus berkenaan dengan ajaran salah di Terengganu iaitu Ajaran Zikrullah Ratib Kuat Ayah Pin.
6. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh JHEAT dalam usaha memerangi ajaran salah di Terengganu.
7. Apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh organisasi di atas bagi tujuan tersebut.

#### **1.4 TUJUAN PENYELIDIKAN**

Ajaran salah telah menimbulkan masalah bagi umat Islam di Malaysia amnya dan di Negeri Terengganu khususnya. Persoalan pokok ialah ianya bukan sahaja merbahaya dan menyesatkan akidah umat Islam, malahan ajarannya pun kabur dan begitu sukar difahami konsepnya oleh mereka yang mengkajinya. Oleh itu penulis mengambil langkah untuk mengkaji ajaran salah ini dengan tujuan:

1. Mendedahkan ajaran salah yang terdapat di Negeri Terengganu termasuklah doktrin asas ajaran tersebut.
2. Mengemukakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa negeri dalam usaha membanteras ajaran tersebut agar dapat dijadikan panduan dan contoh kepada organisasi yang lain dalam menghadapi masalah yang sama.
3. Mengesyorkan beberapa cadangan atau saranan kepada pihak berkuasa bagi membantu mereka mengatasi masalah di atas.

4. Kajian ini juga bertujuan untuk menilai keberkesanan JHEAT dalam menangani ajaran salah yang terdapat di Terengganu.

Tujuan kajian yang telah digariskan ini telah terlaksana dan penulis dapat memahami tajuk serta aspek-aspek yang dibincangkan.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Ruang lingkup kajian ini berkisar kepada huraian yang berkaitan dengan akidah umat Islam iaitu pertamanya akidah yang diterima pakai umum dan keduanya akidah yang menyeleweng daripada landasan hidup sebenar dengan merujuk kepada dalil-dalil al-Quran dan Hadis.

Perbincangan hanya bertumpu kepada ajaran salah serta keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh JHEAT dalam usaha memeranginya tanpa membuat perbandingan dengan usaha-usaha atau langkah-langkah yang dibuat oleh organisasi yang lain.

Data-data yang dikumpul bagi tujuan penyelidikan ini berdasarkan kepada dokumen pertama dan kedua serta observasi sahaja tanpa adanya kaji selidik. Masa yang diperuntukan untuk mengumpul, mengkaji dan menulis lebih kurang setahun iaitu bermula dari bulan Januari 2002 sehingga bulan Januari 2003.

## **1.6 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Istilah metodologi berasal dari bahasa Yunani, *methodos* dan *logos*. *Methodos* bermaksud cara atau jalan dan *logos* bererti cara.<sup>50</sup> Ringkasnya metodologi ialah ilmu tentang cara mengadakan penelitian.<sup>51</sup> Metode merupakan aspek terpenting dalam bidang kajian ilmiah kerana ia adalah kaedah kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.<sup>52</sup>

Dalam menyempurnakan penyelidikan dan penulisan disertasi ini, metodologi penulisan yang digunakan terbahagi kepada dua jenis iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis atau penulisan.

### **1.6.1 Metode Pengumpulan Data**

Dalam usaha untuk pengumpulan data dan maklumat bagi penyusunan disertasi ini dua metode pengumpulan telah digunakan iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

---

<sup>50</sup> Koentjaraningrat (ed) (1986), *Metode metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: PT Gramedia, hal. 7.

<sup>51</sup> Koentjaraningrat, *loc. cit.*

<sup>52</sup> Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, hal. 51.

#### **1.6.1.1 Penyelidikan Perpustakaan**

Kajian ini sebagaimanya berdasarkan penyelidikan perpustakaan melibatkan al-Quran, Hadis, penguraian ahli tafsir dan ahli Hadis, pandangan ulama terdahulu, kisah-kisah, buku-buku, ensiklopedia, kamus, penulisan ilmiah, majalah dan akhbar. Sumber yang digunakan ialah sumber utama di samping sumber kedua.

Tempat-tempat yang ditumpukan dalam pencarian data ini ialah:

1. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Utama UM, Kuala Lumpur.
3. Perpustakaan Peringatan Za'ba UM, Kuala Lumpur.
4. Perpustakaan Perbadanan Awam Terengganu, Kuala Terengganu.
5. Perpustakaan Khas Cawangan Penyelidikan JHEAT, Kuala Terengganu.
6. Perpustakaan Awam Islam, JAKIM, Kuala Lumpur.

#### **1.6.1.2 Penyelidikan Lapangan**

Kajian ini turut melibatkan penyelidikan lapangan. Penulis sendiri telah pergi ke tempat yang terlibat dalam kajian ini bagi memperolehi bukti yang kukuh untuk tujuan penulisan dengan mengambil gambar-gambar tempat yang terlibat. (Sila rujuk kepada Lampiran A)

Penulis juga membuat pengumpulan data secara observasi dengan memerhati sendiri keadaan kawasan yang terbabit dalam aktiviti yang dijalankan.

### **1.6.2 Metode Analisa Data / Penulisan**

Dalam menganalisa data dan maklumat yang telah dikumpulkan, penulis telah menggunakan tiga metode asas iaitu metode induktif, metode deduktif dan metode wawancara.

#### **1.6.2.1 Metode Induktif**

Metode induktif ialah satu kaedah mencari satu kesimpulan sesuatu permasalahan melalui pengkajian data yang bersifat khusus. Kesimpulan yang lebih umum dihasilkan berdasarkan data-data tersebut. Cara menganalisis data yang dilakukan dalam penulisan ini ialah dengan membentangkan data yang bersifat khusus dan daripada data itu dibuat satu kesimpulan umum. Contohnya dalam penulisan bab kedua penulis menggunakan kaedah ini dalam meneliti pendapat sarjana dalam menerangkan definisi ajaran salah serta ruang lingkupnya. Hasilnya penulis dapat merumuskan bahawa ruang lingkup ajaran salah amatlah luas sekali dan ia bukan hanya tertumpu di dalam bidang akidah sahaja malah sesuatu yang menyalahi adat manusia.

#### **1.6.2.2 Metode Deduktif**

Metode deduktif ialah mencari kesimpulan sesuatu masalah berdasarkan kepada pengkajian terhadap data-data yang bersifat umum. Kaedah ini antara lain digunakan dalam menghuraikan dalil-dalil umum yang dinyatakan dalam al-Quran dan Hadis untuk diaplikasikan sebagai asas kepada persoalan akidah yang suci.

#### **1.6.2.3 Metode Wawancara**

Metode wawancara atau interview, mencakupi cara yang digunakan untuk tujuan sesuatu tugas tertentu. Penulis cuba untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang responden. Wawancara dalam satu penelitian yang bertujuan mengumpulkan keterangan tentang kehidupan manusia di dalam satu masyarakat serta pendirian-pendirian mereka dan ia juga merupakan pembantu utama kepada metode observasi. Di dalam kajian ini penulis telah mengaplikasikan metode ini sepenuhnya di dalam bab keempat bagi tujuan mendapatkan maklumat penuh berkaitan bahan kajian.

### **1.7 PERSOALAN KAJIAN**

Penilaian projek yang akan dapat dibuat mengenai hasil penyelidikan adalah seperti berikut:

1. Ajaran salah masih lagi menjadi amalan dan anutan bagi sebilangan kecil umat Islam di negara ini.
2. Ajaran salah sebagai satu ancaman kepada akidah umat Islam.
3. Ajaran salah berasal atau timbul dari siri pakatan jahat musuh-musuh Islam yang mahu menjatuhkan Islam.
4. Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berwajib bagi membanteras kegiatan ajaran salah daripada terus merebak ke dalam masyarakat akan mendatangkan hasil yang baik.
5. Langkah JHEAT memerangi ajaran salah ini wajib disokong oleh semua pihak khususnya masyarakat Islam.
6. Masyarakat yang kurang pengetahuan agama mudah terpengaruh dengan ajaran salah.

## **1.8 KAJIAN LEPAS**

Dalam usaha penulis mengumpul data kajian ini, didapati bahawa ajaran salah ini tidak banyak diperincangkan oleh ulama dan sarjana masa silam atau kini. Kebanyakan penulisan yang dilakukan ialah berkaitan dengan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Namun begitu penulis dapat juga mengesan beberapa sarjana yang mengupas tajuk ini seperti Dr. ‘Izzat ‘Ali A‘ttiyah, Muhammad Hassan al-Akhzami, Dr. Abdulfatah Haron, H. Hartono Ahmad Jaiz, Dr. Hamzah Ya‘cub, Umar Hashim dan Siti Norbaya Abd. Kadir.

Dr. ‘Izzat ‘Ali dalam bukunya yang berjudul *al Bid’ah Tahdidūha wa Mauqifū al-Islam Minha*<sup>53</sup> membicarakan masalah yang melanda umat Islam selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. bermula sejak kekeliruan untuk memilih pemimpin hingga hal kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakar as-Siddiq dalam memerangi golongan Riddah dan murtad. Di dalam penulisannya, beliau memaparkan bahawa umat Islam telah mula menjadi gawat dalam semua aspek sehingga timbul amalan-amalan yang dikira sebagai bid‘ah.

Muhammad Hassan al-Akhzami di dalam bukunya *al-Baha’iyyah wa al-Qadianiyyah*,<sup>54</sup> telah membicarakan dengan terperinci berkaitan dengan pegangan akidah agama Bahai dan juga pegangan ajaran Qadiani. Penulis menerangkan ciri-ciri utama berkaitan dengan pegangan akidah mereka yang jelas nampak terpesong daripada ajaran Islam. Di antara kandungan ajarannya di sini ialah mereka menafikan kewujudan mukjizat nabi-nabi, kebangkitan semula di Padang Mahsyar, janji baik dan buruk.

Dr. Abdulfatah Haron Ibrahim melalui tulisannya di dalam *Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah-Batiniah di Malaysia*,<sup>55</sup> membicarakan konsep *Tassauf Wahdatul Wujud* dalam Islam yang dikesan melalui pengaruh Hindu dan Neoplatonisme. Begitu juga dengan

---

<sup>53</sup> Dr. ‘Izzat ‘Ali A’ttiyah (t.t.), *al Bid’ah Tahdīdūha wa Mauqifū al-Islam Minha*. Beirut: Darul Kitab al-‘Arabi.

<sup>54</sup> Muhammad Hassan al-Akhzamī (t.t.), *al-Baha’iyyah wa al-Qadianiyyah*. Beirut: Muassasah al-Aklami.

<sup>55</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim (1992), *Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah-Batiniah di Malaysia*. cet. 2, (Edisi ke 2), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Martabat Tujuh* yang juga bukan berasal dari al-Quran dan Hadis Sahih tetapi dikatakan lahir dari falsafah Neoplatonisme yang dikenali dengan teori immanasi atau *as-Sudur*.

H. Hartono Ahmad Jaiz menulis dengan bukunya berjudul *Tasawuf, Plurisme dan Pemurtadan*<sup>56</sup> telah mengkisahkan bahawa masyarakat Islam hari ini telah jauh terseleweng daripada ajaran agamanya dengan menjadikan masyarakat Islam Indonesia sebagai contoh. Beliau juga mengulas bahawa musuh-musuh Islam di sana dengan jelas menyerang ideologi umat Islam melalui media massa dengan disokong oleh pihak tertentu. Melalui penulisan ini juga beliau turut menyatakan beberapa faktor mengapa umat Islam mudah menyeleweng dengan disokong hujah-hujah yang kuat dan dalil-dalil yang sahih bersumberkan al-Quran dan Hadis.

Melalui penulisan pertama beliau yang bertajuk *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*,<sup>57</sup> Siti Norbaya Abd. Kadir cuba membawa pembaca kepada ciri-ciri utama sesuatu ajaran salah. Di dalam karya ini beliau menulis secara khusus serta ulasan terhadap sebuah kitab yang bernama *Miftah al-Zirah al-Aqwal 'Idah* yang juga mengandungi unsur-unsur penyelewengan. Juga perbincangan dalam pengaruh Wahdatul Wujud, Ajaran Batiniah, Penyelewengan Dalam Mentafsir al-Quran, Penggunaan Hadis Maudu' dan Penerimaan *Dhawq* sebagai sumber ilmu.

---

<sup>56</sup> H. Hartono Ahmad Jaiz (2001), *Tasawuf, Plurisme dan Pemurtadan*. cet. 1, Jakarta Timur: Pustaka al-Kausar.

<sup>57</sup> Siti Norbaya Abd Kadir (2002), *Ajaran Sesat: Kemunculan dan Ciri-cirinya*. cet. 1, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Dr. H. Hamzah Ya'cub pula mengulas di dalam bukunya Bab IV berkaitan dengan perkembangan Tarekat dan sistemnya melalui buku *Tashawwuf dan Taqarrub: Tingkat Ketenangan dan Kebahagiaan*<sup>58</sup> turut mengemukakan tentang faktor penyelewengan sesuatu Tarekat yang pada awalnya diasaskan dengan betul berpandukan al-Quran dan Hadis. Di antara faktor utama beliau menulis ialah kerana lahirnya rasa taksub dikalangan pengikut pada sesetengah pengamal ajaran ini serta menjadikan berlebih-lebihan di dalam suluk dan ibadah yang akhirnya melahirkan sejumlah bid'ah.

“*Siapa Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah?: Timbulnya Fahaman Sesat dan Penyelewengan di Kalangan Kaum Muslimin*”<sup>59</sup>, tulisan Umar Hasyim ini membincangkan secara terperinci berkaitan dengan benih-benih penyelewengan, pertikaian dan pertentangan pendapat di dalam bahagian kedua buku ini.

Kesimpulan yang dapat dibuat berkenaan dengan bahagian ini ialah, sebenarnya pada masa Khalifah Uthman bin ‘Affan lagi telah timbulnya perpecahan. Hal ini disebabkan masalah kesalah fahaman dan pengkhianatan (yakni dari Abdullah bin Saba‘, orang Yahudi yang bercita-cita hendak menghancurkan umat Islam dari dalam). Isu subversif ini menyebabkan pembunuhan khalifah sehingga Saidina ‘Ali dibai‘ah menjadi Khalifah keempat. Usaha kaum subversif itu belum berakhir sehingga terbunuhnya ‘Ali bin Abi Talib kerana

---

<sup>58</sup> Dr. Hamzah Ya'cub (1987), *Tashawwuf dan Taqarrub: Tingkat dan Kebahagiaan Mukmin*. cet. 3, Indonesia: Pustaka Madya, Bandung.

<sup>59</sup> Umar Hasyim (2000), *Siapa Ahlus Sunnah wal-Jamaah?: Timbulnya Fahaman Sesat Dan Penyelewengan di Kalangan Kaum Muslimin*. cet. 2, Selangor: Galeri Watikah, Batu Caves.

gara-gara kaum Khawarij yang tidak bersetuju terhadap gencatan senjata antara ‘Ali dan Muawiyah.

Dengan demikian maka masalah pokok dalam perselisihan mereka bukannya berpangkal kepada masalah syariat atau ibadat tetapi kerana masalah politik atau imamah. Ini menyebabkan timbulnya golongan Syiah yang kecintaannya berlebihan kepada ‘Ali dan Ahl al-Bayt serta anti kepada Mu’awiyah. Golongan kedua ialah golongan Khawarij yang tidak bersetuju dengan kekhilafahan ‘Uthman, ‘Ali dan Mu’awiyah.

Berpunca daripada kedua-dua golongan di atas itu timbulnya berbagai macam keyakinan hukum terhadap laku perbuatan manusia. Misalnya, tentang bagaimana orang yang melakukan dosa besar sehingga pertentangan pendapat yang berpangkal pada masalah politik kemudian menjalar kepada masalah akidah dan ibadah.

Kajian-kajian di atas merupakan kajian perpustakaan. Sehingga kini penulis tidak menemui perbincangan mengenai ajaran salah ini dalam bentuk kajian lapangan. Penulisan ini juga diharap menjadi pelengkap kepada kajian-kajian yang lepas dalam usaha untuk menyelamatkan umat Islam daripada terus terpesong akidahnya, tambahan pula, penulis tidak menjumpai mana-mana kajian khusus berkaitan dengan ajaran yang dikaji oleh penulis ini iaitu ajaran salah Ayah Pin di Terengganu, serta tindakan dan usaha JHEAT dalam menangani ajaran ini.

## **1.9 BATASAN KAJIAN**

Dalam proses menyiapkan penyelidikan ini, penulis menghadapi beberapa masalah yang kadangkala membantutkan sebahagian daripada penulisan ini. Di antaranya ialah:

1. Kesukaran untuk memperolehi bahan-bahan rujukan yang asli atau kitab-kitab asal penulis terdahulu. Penulis terpaksa mencari bahan rujukan di beberapa tempat untuk mendapatkannya seperti di Perpustakaan Awam Islam JAKIM, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Pustaka Peringatan Za‘ba UM, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam UM serta beberapa tempat yang lain.
2. Jarak yang jauh untuk mengadakan kajian disebabkan penulis tidak menetap di Negeri Terengganu. Ini memaksa penulis selalu berhubung menggunakan telefon untuk berhubung dengan pegawai-pegawai yang terlibat dengan kes kajian penulis. Ini melibatkan kos pembiayaan yang tinggi.
3. Penulis terpaksa menunggu musim cuti persekolahan untuk bertemu dengan pegawai-pegawai JHEAT bagi tujuan temu bual supaya maklumat yang diperlukan untuk penulisan adalah lebih tepat dan jelas.
4. Penulis tidak dapat menemubual anggota ajaran salah secara langsung atas dasar keselamatan penulis dengan nasihat pegawai JHEAT.
5. Penulis juga tidak dapat menulis teks al-Quran dan Hadis menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Ijazah Tinggi iaitu menggunakan *font tradisional Arabic* bersaiz 16 kerana dalil-dalil ini diperolehi dengan cara mengimbas (*scan*) daripada teks.

6. Kekangan masa yang terpaksa dihadapi oleh penulis kerana berkeluarga. Penulis terpaksa membahagikan masa yang secukupnya untuk mengumpul data serta menaip kajian ini di samping menjalani tanggungjawab dalam hidup berkeluarga.

Kesimpulannya dengan berpandukan kepada sumber dan kaedah yang terbaik penulis cuba untuk menyelidik permasalahan kajian supaya objektif penyelidikan tercapai dan memastikan apakah hipotesis menjadi kenyataan atau sebaliknya.

## **1.10 MASALAH KAJIAN**

Negeri Terengganu adalah dikatakan sebagai antara negeri yang terawal menerima Islam di Semenanjung Malaysia. Kedudukan negeri ini bersebelahan dengan negeri “Serambi Mekah” iaitu Kelantan, menguatkan lagi fakta yang diperkatakan di atas. Biar pun begitu, terdapat juga kumpulan tertentu yang menyebar fahaman salah mereka terhadap agama Islam kepada segelintir penduduk tempatan.

Permasalahan inilah yang mendorong penulis untuk mengkaji dan menyelidiki punca sebenar timbulnya masalah tersebut. Di samping itu juga penulis akan mendapatkan kerjasama dari Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) bagi tujuan ini serta mengenal pasti langkah-langkah serta kekangan yang dihadapi oleh organisasi ini dalam usaha mereka untuk membanteras kegiatan kumpulan ajaran salah yang telah dikenal pasti bertapak di Terengganu sehingga membawa kepada berkuburnya ajaran ini.